

10 MAY 2001

Filipina-Moro

FILIPINA PILIH KL, JAKARTA JADI HOS RUNDINGAN DAMAI

MANILA, 10 Mei (Bernama) -- Filipina bercadang memilih sama ada Kuala Lumpur atau Jakarta sebagai hos rundingan damainya dengan pemberontak Moro bulan depan, kata seorang pembantu kanan Presiden hari ini.

Pembantu Presiden bagi Mindanao, Jesus Dureza berkata dua negara jiran itu telah menawarkan diri sebagai hos rundingan bagi membantu mewujudkan keamanan di wilayah selatan negara terbabit.

"Ini menunjukkan bahawa jiran-jiran kami bersama-sama kami untuk mewujudkan keamanan di Mindanao," katanya.

Dureza, bekas wartawan, mengetuai panel kerajaan dalam rundingan damai dengan Barisan Pemisah Islam Moro (MILF) itu.

Pegawai itu berkata tawaran Malaysia dan Indonesia merupakan isyarat positif di luar negeri memandangkan kedua-dua negara berkenaan merupakan anggota berpengaruh dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Katanya tawaran oleh Kuala Lumpur dan Jakarta tidak harus diterjemahkan sebagai campur tangan dalam hal ehwal dalaman Filipina.

"Ia adalah tawaran rakan usahasama dan bantuan," katanya.

Bagaimanapun, katanya kerajaan Manila dan MILF belum membuat keputusan muktamad mengenai tempat perbincangan itu.

Manila sebelum ini memilih Kuala Lumpur sebagai tempat perbincangan akan datang hasil kejayaan rundingan rahsia Manila dan MILF di ibu negara Malaysia itu, Mac lepas.

Mesyuarat di Kuala Lumpur yang diadakan di bawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan kedua-dua pihak menandatangani "perjanjian kerangka kerja".

Indonesia membuat tawaran atas permintaan pengerusi MILF Hashim Salamah, rakan sekelas Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid di Universiti Cairo, Mesir.

-- BERNAMA

ALJ AZZ LAT